

16 MAY 2002
LID-Khemah
KHEMAH KHAS DIDIRIKAN SEMPENA LID 2002

LANGKAWI, 16 Mei (Bernama) -- Sebuah khemah khas akan didirikan sebagai "dewan persidangan" sempena Dialog Antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002) yang akan berlangsung di Pelangi Beach Resort di sini mulai 1 hingga 4 Ogos depan.

Ketua Eksekutif Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Dr Ahmed Tasir Lope Pihie berkata khemah itu bagi menampung pertambahan peserta yang menyertai dialog itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucapnama pada malam pembukaan LID 2002 pada 1 Ogos.

Sebanyak 400 peserta dijangka menghadiri dialog pada kali ini berbanding 250 peserta sebelum ini dengan jangkakan pertambahan bilangan peserta terutama dari Afrika, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kebangsaan LID 2002 yang dihadiri oleh wakil daripada 20 agensi kerajaan dan swasta di sini hari ini.

Sebelum ini, LID telah beberapa kali diadakan di Berjaya Beach and Spa Resort di Teluk Burau.

Dr Ahmed Tasir berkata sesuai dengan perkembangan semasa, keamanan dan kemakmuran telah dipilih sebagai tema LID 2002 yang mana isu-isu membabitkan pengganas, kegawatan ekonomi dan isu-isu sosial lain dijangka menjadi topik utama perbincangan.

Katanya tumpuan terhadap isu-isu berkaitan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga akan dibincangkan supaya peserta dari negara-negara membangun menyedari kesan yang mungkin menimpa mereka akibat perubahan dalam ekonomi dunia.

Beliau juga berkata peserta dari negara membangun yang menghadiri dialog itu juga dijangka membincangkan isu membabitkan masalah untuk mengeksport barangan di kalangan negara berkenaan.

Ini kerana, jelasnya, LID merupakan landasan yang baik bagi mereka membentuk suara yang lebih kuat dalam forum antarabangsa.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata lebih ramai korporat muda negara akan menyertai dialog kali ini bagi menggalakkan pertukaran idea di antara generasi tua dan muda.

-- BERNAMA

NH MOZ